

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/07/25\_16 (HQ)

### MELP PUPUK RAKYAT CEKAP TENAGA JAYAKAN PERALIHAN TENAGA

Masyarakat sedang dipupuk untuk menjadi pengguna cekap tenaga melalui program Malaysia Energy Literacy Program (MELP), agar sama-sama dapat berperanan dalam menjayakan peralihan tenaga dengan sasaran mencapai matlamat negara neutral karbon menjelang tahun 2050.

Siri pertama pembelajaran MELP dilancarkan minggu lalu bertemakan "Kecekapan Tenaga – Pemangkin Ke Arah Peralihan Tenaga" dengan menghimpunkan pelajar universiti, ahli-ahli persatuan pengguna, pegawai-pegawai kerajaan dan agensi berkaitan serta para pemimpin industri.

Program berterusan ini dijangka meningkatkan indeks celik tenaga sebanyak 2%- 3% setahun dalam kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi, pelanggan serta rakyat, sekaligus menyokong Pelan Peralihan Tenaga Negara (NETR) dengan sasaran 20-30% penjimatan melalui amalan kecekapan tenaga dalam sektor domestik, industri dan komersil.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Akmal Nasrullah Mohd Nasir, menekankan kepentingan kecekapan tenaga sebagai pemangkin peralihan tenaga negara, lantas menyeru semua pihak untuk bekerjasama dan berinovasi dalam mengoptimumkan penggunaan tenaga bagi mencapai masa depan yang lebih lestari.

"Dalam usaha menuju ke arah pembangunan mampan, kelestarian bekalan tenaga dan keselamatan merupakan aspek penting yang harus dijamin bagi kesejahteraan rakyat. Rakyat perlu bersama-sama dengan kerajaan untuk memahami dan menghayati agenda peralihan tenaga, yang bertujuan menangani cabaran Trilema Tenaga iaitu jaminan bekalan, kemampanan dan kebolehmampuan demi memastikan kualiti kehidupan yang lebih baik," katanya.

Beliau berucap merasmikan pelancaran Siri Pertama Pembelajaran MELP anjuran **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** di Leo Moggie Convention Centre, TNB Platinum Bangsar, Kuala Lumpur pada 16 Julai lalu. Program dua hari itu menyediakan platform komprehensif melalui sesi forum, ceramah, dan pameran yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk institusi pengajian tinggi, kementerian, agensi kerajaan, dan NGO.

Program yang dianjurkan bersama oleh Suruhanjaya Tenaga dan TNB Integrated Learning Solutions (ILSAS) selaku rakan strategik ini turut menarik lebih 250 peserta, termasuk 100 pelajar universiti, pegawai kerajaan, agensi berkaitan, serta para pemimpin industri.

S.A. 2024/07/25\_16 (HQ)

Mereka membincangkan bagaimana amalan cekap tenaga bukan sahaja membantu mengurangkan kos tenaga, tetapi juga menyumbang kepada usaha global untuk mengekang perubahan iklim. Masyarakat yang cekap tenaga dapat memainkan peranan besar dalam mengurangkan pelepasan karbon, seterusnya menyokong agenda kelestarian dan kesejahteraan alam sekitar.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata: "Dengan mendalami pengetahuan melalui program pendidikan seperti seminar ini, rakyat akan lebih menghargai peranan mereka dalam mempercepat peralihan negara ke arah neutral karbon.

"Generasi pewaris yang dididik dengan sikap progresif dan kesedaran terhadap kemajuan bukan sekadar pengguna elektrik, tetapi juga memahami impak kemampanan tenaga terhadap bumi dan kehidupan manusia," tambahnya.

Beliau yakin bahawa generasi muda yang proaktif ini akan memainkan peranan penting dalam menerajui inovasi baru dalam tenaga, digitalisasi dan memajukan teknologi hijau untuk menyokong peralihan kepada tenaga bersih, menjaga bumi serta memastikan keseimbangan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Rata-rata peserta menunjukkan reaksi positif terhadap sesi forum dan perbincangan yang diadakan. Mereka mengakui bahawa program sebegini memberi pendedahan mendalam dan membantu pengguna memahami peranan mereka dalam menguruskan tenaga. Walaupun perubahan ini kelihatan kecil, keazaman dan perubahan sikap secara konsisten dalam penggunaan tenaga akan membawa manfaat yang besar kepada bumi dan seluruh isinya.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 25 Julai 2024, jam 12:30 tengah hari**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731, atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Akmal Nasrullah Mohd Nasir berucap merasmikan pelancaran Siri Pertama Pembelajaran MELP anjuran TNB di Leo Moggie Convention Centre, TNB Platinum Bangsar, Kuala Lumpur.



Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan menemani Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), Akmal Nasrullah Mohd Nasir dan delegasi lain ke reruai pameran yang disediakan sepanjang program berlangsung.